

NO SOALAN :55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.10.2014

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT (HULU LANGAT) minta **MENTERI KEWANGAN menyatakan: -**

- a. jumlah terkini penerima BRIM yang diberi perlindungan insurans Takaful dan kos yang terlibat; dan
- b. apakah jenis insurans Takaful yang diambil serta bagaimana cara membuat tuntutan sekiranya berlaku kematian.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah bagi membeli barang-barang keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Bantuan ini diberikan secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik.

Program BR1M merupakan bantuan tahunan yang telah bermula pada tahun 2012. Setiap tahun, pelbagai langkah penambahbaikan telah

dilakukan oleh Kerajaan seperti peningkatan nilai bantuan, penambahan kategori baru serta pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M). Secara keseluruhan, pada tahun 2012, seramai 4.2 juta penerima telah menikmati BR1M yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion. Pada tahun 2013 pula, seramai 6.8 juta penerima BR1M dengan peruntukan sebanyak RM2.9 bilion. Manakala pada tahun 2014, sebanyak 7 juta penerima BR1M dengan peruntukan sebanyak RM3.7 bilion.

Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri bagi BR1M 2014; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM413 juta yang melibatkan seramai 986 ribu atau 14.2% daripada keseluruhan jumlah penerima diseluruh Negara. Jumlah tersebut merangkumi 563 ribu penerima bantuan RM650, 82 ribu penerima bantuan RM450 dan 341 ribu penerima kategori individu (RM300). Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM442 juta yang melibatkan seramai 848 ribu penerima atau 12.2% daripada keseluruhan penerima. Jumlah tersebut merangkumi 514 ribu penerima bantuan RM650, 48 ribu penerima bantuan RM450 dan 286 ribu penerima kategori individu (RM300). Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM375 juta yang melibatkan 700 ribu penerima atau 10.1 % daripada keseluruhan penerima. Jumlah tersebut merangkumi 462 ribu penerima bantuan RM650, 27 ribu penerima bantuan RM450 dan 210 ribu penerima kategori individu (RM300).

Pada tahun 2015, Kerajaan akan memberi bantuan tambahan selaras dengan pelaksanaan GST dengan anggaran kos sebanyak RM1.4 bilion yang akan disalurkan melalui BR1M 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Skim i-BR1M memberi perlindungan takaful kepada Penerima BR1M kategori isirumah dengan Kerajaan menyediakan premium sebanyak RM50 dan nilai perlindungan maksimum sehingga RM30,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal. Skim i-BR1M 2014 dikendalikan oleh *Malaysian Takaful Association* (MTA) atau Konsortium MTA dengan gabungan 11 pengendali utama Takaful di Malaysia. Bagi tujuan tuntutan, waris boleh membuat tuntutan dengan mendapat borang di laman sesawang www.malaysiantakaful.com.my atau menghubungi hotline i-BR1M di talian 03-27162716 atau email : i-BR1M@takaful-ikhlas.com.my

Bagi pelaksanaan i-BR1M, sehingga 24 September 2014, sebanyak 13,015 tuntutan yang melibatkan jumlah sebanyak RM42 juta telah dibayar oleh syarikat takaful kepada waris penerima BR1M.

Kerajaan pada masa ini sedang mempertimbangkan satu kaedah yang lebih sesuai dalam memberi bantuan kepada waris penerima yang meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan akan meneruskan inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada masa akan datang bagi membantu meringankan beban hidup rakyat yang berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup. Kerajaan akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan dan peningkatan jumlah BR1M ini juga perlu mengambil kira keupayaan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.